



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

### Untuk Siaran Segera

## Sejarah Kesultanan Negeri Kedah Diabadikan Dalam Bentuk Setem

**Alor Star: 20 Mac 2013** – Sejarah Kesultanan Kedah kini diabadikan dalam bentuk setem dalam usaha negara untuk memartabatkan tradisi Kesultanan Melayu di Malaysia. Usaha tersebut telah dijayakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersama-sama dengan Persatuan Filateli Malaysia (PFM) dan Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) sempena meraikan ulangtahun ke-100 setem Kedah yang diadakan pada Majlis Persembahan Filateli DiRaja Negeri Kedah hari ini sehingga 22 Mac 2013.

Bertempat di Menara Alor Star, Kedah, majlis tersebut adalah sebahagian daripada usaha SKMM untuk membantu PFM dan Pos Malaysia memperkasakan setem-setem Malaysia sehingga mencapai tahap yang lebih tinggi serta meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai sejarah negara melalui pameran artifak-artifak filateli yang disimpan oleh filatelis dari dalam dan luar negara.

“Kami berharap usaha ini bukan sahaja akan dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan orang ramai mengenai sejarah kesultanan negeri Kedah bahkan mempelajari sejarah negara secara amnya. Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negara, kita perlu mengetahui sejarah kerana untuk berjaya,



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

kita perlu belajar daripada sejarah. Walaupun setem bersaiz kecil, pengajaran dan ilmu yang diabadikan pada setem tersebut amat besar ertinya,” ujar Dato’ Mohamed Sharil Tarmizi, Pengerusi SKMM.

Majlis Persembahan Filateli DiRaja Negeri Kedah ini adalah sebahagian daripada Pelan Pameran Setem 2012-2014 yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan SKMM serta ianya juga selaras dengan saranan YB Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia untuk memartabatkan lagi tradisi dan budaya bangsa negara ke persada antarabangsa.

Pihak PFM telah mengundang tiga filatelis antarabangsa untuk mempersembahkan koleksi mereka khusus berkaitan negeri Kedah termasuk koleksi setem Ratu Elizabeth yang jarang-jarang dipertontonkan kepada orang ramai yang akan dibawa terus dari London ke Alor Star. Tiga orang filatelis tersebut ialah Michael Sefi dari United Kingdom yang juga adalah Penyimpan Koleksi Setem Ratu Elizabeth pada masa ini, Dr. Prakob Chirakiti (Presiden Persatuan Filateli Thailand) dan Vincent Ong (President Persatuan Filateli Singapura).

Pameran setem untuk orang awam juga akan turut diadakan pada 20-22 Mac 2013 di ruang lobi Menara Alor Star yang akan dibuka dari 9:00 pagi hingga 10:00 malam (selari dengan waktu operasi Menara Alor Star). Selain itu, antara aktiviti yang dijalankan dalam tempoh tiga hari tersebut termasuk mengadakan bicara filateli dan jualan setem.



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

[Tamat]

---

### **Nota kepada Editor:**

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media. Harap maklum. Terima kasih.

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abdul Rahman  
Ketua Jabatan Komunikasi Strategik

Rahayu Abdul Aziz  
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Strategik  
Tel : +603 8688 8000  
Faks : +603 8688 1007  
E-mel : [ccd@cmc.gov.my](mailto:ccd@cmc.gov.my)